

# BEBAS HUTANG DENGAN EMAS



TEAM ROSY:NOTAQMGOLD  
NUR AZIANIE BT AB GHANI

EDISI PERCUMA



<https://linktr.ee/NotaQmGold>



<https://NotaQmGold.com>

# ISI KANDUNGAN

1. Tujuan Beli Emas
2. Pembeli Emas Vs Pelabur Emas
3. Fahami Harga Emas. Apa Itu LME?
4. 'Trend' Harga Emas Sentiasa Naik?
5. Pelaburan Paling Untung? Emas, Asb Atau Tabung Haji?
6. Emas Gold Bar Vs Emas Perhiasan Vs Dinar
7. Barang Kemas Untuk Pelaburan?
8. Simpan Emas Dapat Apa?
9. Rm10 boleh beli emas?
10. Tempat Simpan Emas Terbaik?
11. Jenama Emas Terbaik Di Malaysia?
12. Beli Emas Guna Duit Pinjaman?
13. Ada Emas Tapi Nak Guna Duit
14. Akaun Emas Atau Emas Fizikal?
15. Cara Buat Untung Sehingga 10x Ganda Dengan Emas?
16. Zakat Emas
17. Dapat Gaji, Dapat Emas, Dapat Berbelanja?
18. Mudahnya Beli Emas Dalam Talian 24/7
19. Produk Utama
20. Beli emas dari Quantum Metal?
21. Cara Dan Kelebihan Menjadi Rakan Niaga

PERSOALAN ASAS SEBELUM BELI EMAS

10 SOALAN BONUS

QUANTUM METAL

JOM MULA SEKARANG!

SUMBER RUJUKAN

# 1.TUJUAN BELI EMAS

Emas adalah salah satu unsur bumi yang tidak boleh dicipta. Ia juga dikenali sebagai 'gold-safe heaven' iaitu menurut sumber Investopedia.com ialah sejenis pelaburan yang dijangka mengekalkan atau meningkatkan nilai semasa waktu pergolakan pasaran. Pelabur mencari tempat selamat untuk mengehendkan risiko kerugian sekiranya berlaku kemelesetan pasaran. Walau bagaimanapun, aset yang sebenarnya dianggap sebagai tempat selamat boleh jadi pelbagai jenis bergantung pada sifat khusus pasaran. Ini bermakna agar pelaburan bertindak sebagai tempat selamat, pelabur mesti berusaha melakukan pelan & tindakan yang wajar seperti mengenalpasti setiap jenis pelaburan, pulangan, latarbelakang syarikat dan kaedah terbaik.

## Kenapa Emas?

Emas adalah komoditi fizikal, ia tidak boleh dicetak seperti wang, dan nilainya tidak dipengaruhi oleh keputusan kadar faedah yang dibuat oleh kerajaan. Kerana emas secara sejarah mengekalkan nilainya dari semasa ke semasa, ia berfungsi sebagai satu bentuk insurans dalam situasi ekonomi yang buruk.

Dalam pasaran menurun, pelabur biasanya lebih suka membeli emas, dan pada masa inflasi yang tinggi dan turun naik pasaran, emas dianggap oleh ramai orang sebagai aset 'safe haven'.

Apabila bercakap tentang membeli emas, terdapat pelbagai pilihan yang ada. Walau bagaimanapun, salah satu pilihan terbaik untuk pelabur adalah membeli jongkong emas.

Jongkong emas ataupun emas bar datang dalam pelbagai bentuk dan saiz, tetapi lazimnya beratnya antara satu hingga 100 auns troy. Saiz yang paling biasa untuk jongkong emas ialah kira-kira satu kilogram atau 32.15 auns troy. Bar emas biasanya diperbuat daripada emas halus 999, bermakna logam itu mengandungi 99.99% emas tulen.



**Masa terbaik simpan emas  
adalah 10 tahun dahulu.  
Masa kedua terbaik adalah  
sekarang!**

# PASSIVE VS ACTIVE INVESTING



## 2. PEMBELI EMAS VS PELABUR EMAS

Bergantung kepada individu, ada yang suka membeli emas untuk perhiasan diri semata, dan ada juga sebagai perhiasan dan dengan tujuan mendapat pulangan dalam jangka masa panjang. Anda tahu tak, emas juga boleh mendapat pulangan dalam masa jangka pendek? Jangka pendek yang saya maksudkan adalah kurang setahun walaupun dalam keadaan trending emas menurun. Ini yang saya katakan mengenalpasti kaedah terbaik tadi.

Jika anda ingin mendapat keuntungan dari emas dalam jangka waktu tertentu, anda boleh dikategori sebagai seorang pelabur emas. Boleh jadi pelabur pasif atau pelabur aktif. Kenali dan tetapkan matlamat anda jika anda ingin bebaskan diri anda dari belunggu hutang dan mencapai kebebasan kewangan dengan Pelaburan Emas. Rujuk topik 6 untuk rujukan jenis-jenis pelabur.

### 3.FAHAMI HARGA EMAS. APA ITU LME?

London Metal Exchange (LME) dalam bahasa yang mudah adalah Rujukan Harga Emas Sedunia.

Keseluruhan peniaga-peniaga emas samada besar atau kecil menggunakan harga rujukan ini dalam menentukan harga kepada pelanggan.

Peratus keuntungan ataupun 'Markup' yang diambil oleh kedai-kedai emas dikenali sebagai 'Spread'.

Oleh kerana harga LME sentiasa berubah-ubah, maka harga emas kepada pelanggan juga ikut berubah. Perlu diingat, semakin tinggi *spread* semakin lambat untuk dapat keuntungan.

### Trending Menaik

Lihat kembali tujuan asal kita memilih pelaburan emas. Emas telah terbukti dalam *trending* menaik dalam jangka waktu panjang dan sangat sesuai untuk melindungi wang dan aset kita dalam bentuk emas.



### 4. 'TREND' HARGA EMAS SENTIASA NAIK?

Untuk membincangkan trend harga emas, ia berkait dengan jangka waktu. Umum mengetahui harga emas dalam trending menaik jika dibandingkan 20 ke 30 tahun dulu. Rujuk gambarajah di bawah.



Jika kita ambil data dalam lingkungan 6 bulan dari April 2022 sehingga Oct 2022 (seperti di atas), harga emas menunjukkan *trending* menurun.

# 5. PELABURAN PALING UNTUNG? EMAS, ASB ATAU TABUNG HAJI?

Setiap pelaburan ada kelebihan dan kekurangannya. Kenalpasti matlamat anda sebagai pelabur. Pelabur adalah orang atau entiti, yang menggunakan aset mereka untuk menerima pulangan kewangan pada masa akan datang. Terdapat pelbagai instrumen yang boleh dimanfaatkan oleh pelabur, termasuk saham, bon, komoditi, dana dagangan bursa (ETF), tukaran matawang asing, hartanah, dan banyak lagi. Ambil kira risiko setiap pelaburan.

Pelabur juga boleh dikategorikan sebagai pasif dan aktif. Pelabur pasif adalah cenderung bagi mereka mahu memaksimumkan pulangan mereka dengan dalam jangka masa panjang dan penglibatan mereka di pasaran adalah minima. Mereka berusaha untuk mengurangkan fi atau yuran dan kurang inisiatif untuk mendapatkan keuntungan daripada turun naik jangka pendek dalam pasaran terlibat.

Sebaliknya, pelabur aktif pula perlu bersedia dengan pelbagai risiko bagi menggandakan pulangan keuntungan yang lebih tinggi. Mereka mempunyai pengetahuan dan memberi tumpuan kepada peluang jangka pendek dan membuka lebih banyak urusan dalam jangka masa yang pendek. Pelabur aktif perlu meluangkan lebih masa dan tenaga untuk berjaya. Namun, jika pelabur aktif arif dengan analisis teknikal dan *fundamental*, dan berpegang pada nisbah risiko-ganjaran yang berpatutan, dia mampu mendapatkan pulangan yang lebih tinggi berbanding dengan pelabur pasif.

Pelabur yang bijak, bagi saya mereka seorang yang memaksimumkan 'poket' pelaburan mereka kerana tak semua individu adalah pelabur aktif. Kebiasaannya seorang pelabur aktif kebanyakannya adalah sepenuh masa. Jom kita lihat carta perbandingan di sebelah.



*If you aren't willing to own a stock for 10 years, don't even think about owning it for 10 minutes*

Warren Buffett

NOTA PENTING: Setiap instrumen kewangan mempunyai kekurangan dan kelebihan tersendiri yang mana tidak dibincangkan di dalam ebook ini. Sesuaikan dengan keperluan anda sebagai seorang pelabur.

Tahun	Emas (%)	ASB (%)	Tabung Haji (%)
2004	5.30	7.25	4.30
2005	20.00	7.25	4.50
2006	23.00	7.30	4.75
2007	30.90	8.00	5.00
2008	5.60	7.00	5.00
2009	23.40	7.30	5.00
2010	27.10	7.50	5.50
2011	10.10	7.70	6.00
2012	7.00	7.75	6.50
2013	-28.30	7.70	6.00
2014	-1.50	7.50	6.25
2015	-10.40	7.25	5.00
2016	9.10	7.25	4.25
2017	13.60	7.25	4.50
2018	-2.10	7.00	1.25
2019	18.90	5.50	3.05
2020	16.60	4.25	3.10
2021	-7.06	5.00	3.10

Sumber:

<https://www.asnb.com.my/> | <https://www.tabunghaji.gov.my/> | [https://www.kitco.com/scripts/hist\\_charts/yearly\\_graphs.plx?au2019=on&au2020=on&au2021=on&au2022=on&submitauB=View+Charts+and+Data](https://www.kitco.com/scripts/hist_charts/yearly_graphs.plx?au2019=on&au2020=on&au2021=on&au2022=on&submitauB=View+Charts+and+Data)

# 6. EMAS

## GOLD BAR VS EMAS PERHIASAN VS DINAR

Emas Bar atau emas perhiasan? Bergantung kepada matlamat masing-masing. Bagi kaum Wanita sudah tentu emas perhiasan tidak terkecuali dalam senarai membeli. Bagi kaum wanita, emas perhiasan boleh dipakai setiap hari dan pada waktu yang sama sebagai tabungan masa hadapan. Emas perhiasan kebiasaannya berketulenan 916. Gelang yang dibeli 20 tahun dulu nilainya sekarang telah berbeza, kenaikan hampir 500%!


Bagaimana pula dengan kaum lelaki? Bukankah emas sesuai untuk setiap orang? Di dalam Islam, haram bagi lelaki memakai apa juga jenis emas pada badan. Jadi pilihan terbaik untuk pelaburan adalah jongkong emas termasuk emas bar dan syiling emas. Kaji semula topik 3 iaitu LME dan *spread* yang dikenakan kepada produk-produk emas.



Emas dari The Perth Mint



1 g Wafer



Jenama The Perth Mint



1 Dinar

Jenama Quantum Metal dibuat oleh The Perth Mint

Beza emas bar dan dinar adalah dari segi beratnya sahaja. Emas bar boleh jadi 1g, 5g, 10g, 1kg manakala dinar emas adalah 4.25g.

## 7. Barang Kemas Untuk Pelaburan?

### Kelebihan Bar Emas

Berikut adalah beberapa sebab mengapa membeli jongkong emas lebih baik:

1. Bar emas mudah disimpan dan diangkut: Salah satu perkara hebat tentangnya ialah ia mudah disimpan dan diangkut. Ini memudahkan pelabur untuk memastikan pelaburan mereka selamat dan terjamin!
2. Bar emas datang dalam pelbagai saiz, menjadikannya boleh diakses oleh semua orang: Satu lagi perkara hebat tentang jongkong emas ialah ia didatangkan dalam pelbagai saiz, menjadikannya boleh diakses oleh semua orang. Ini bermakna pelabur boleh membeli saiz yang paling sesuai dengan keperluan mereka!
3. Bar emas sebagai Akaun Persaraan dan boleh dipindahmilik jika berlaku kematian: Salah satu kelebihan terbesar membeli jongkong emas dari Quantum Metal (QM) yang membolehkan pelabur memegang emas sebagai pelaburan persaraan. Pelabur dengan akaun ini boleh memegang logam fizikal seperti jongkong atau syiling, serta sekuriti berkaitan logam berharga dalam portfolio mereka.
4. Bar emas mempunyai tahap ketulenan yang tinggi, memastikan pelabur bahawa pelaburan mereka akan berkualiti tinggi.
5. Spread jongkong emas lebih rendah berbanding emas perhiasan: Ini memberi kelebihan waktu yang lebih cepat bagi mendapat keuntungan dengan nilai modal yang telah dikeluarkan.

Kenapa barang kemas kurang sesuai untuk pelaburan? Kebiasaan barang kemas di Malaysia adalah berketulenan 22K atau 916 dan dijual bersama upah yang tinggi dan dibeli semula tanpa kos upah. Jadi jualan semula akan mengambil masa yang lama untuk untung iaitu harga emas perlu ada kenaikan yang tinggi lebih dari modal dan kos (spread dan kos upah).

1. Spread emas perhiasan kebiasaannya lebih tinggi berbanding emas bar.
2. Emas perhiasan mungkin ada cas membuat dan kos ini menjadi kos tambahan, jadi kenaikan harga LME perlu mendahului harga kos tersebut baru dapat untung.
3. Jualan semula emas perhiasan juga dikenakan 'spread' atau istilah biasa 'susutnilai' sewaktu belian semula oleh kedai emas. Jadi pembeli perlu mengambil kira kos 2 kali spread dalam pengiraan untung dan rugi.
4. Emas perhiasan biasanya menggunakan gred 916 berbanding 999.
5. Emas bar kebiasaannya menggunakan gred 999 dan spread biasanya lebih rendah berbanding 916.

# 8. Simpan Emas Dapat Apa?



## Melindungi Nilai

Emas sebagai sandaran mata wang fiat bagi melindungi nilai aset anda



## Mampu Milik

Semua individu dari semua golongan mampu memiliki emas (B40, M40, T20)



## Simpanan Sebenar

Emas adalah simpanan sebenar & diterima di seluruh dunia



## Dana Kecemasan

Boleh ditukar kepada tunai bagi tujuan berbelanja & dana kecemasan kerana mudah dicairkan berbanding aset lain



## Selamat & Diinsurans

Emas yang dibeli dari Quantum Metal yang disimpan di BRINKS boleh diinsuranskan 100% oleh Lloyd's London.



## Solusi Kewangan

Dapat membantu menyelesaikan masalah kewangan



## Kalis Inflasi

Emas terkenal mampu melindungi nilai kekayaan sewaktu ekonomi jatuh



## Tingkatkan kekayaan

Membantu meningkatkan kekayaan dan emas anda

## 9. RM10 boleh beli emas?

### Akaun Simpanan Emas

Di Quantum Metal, anda boleh menabung serendah RM10 dalam Akaun Simpanan Emas & apabila telah cukup nilai serendah 0.001g, anda boleh keluarkan emas fizikal anda.

Era digitalisasi kini membolehkan simpanan emas dipindahmilik (transfer) kepada orang lain serendah RM10. Kini kita boleh berjual beli dengan menggunakan emas tanpa risau tentang pulangan baki kecil!

Jika emas perhiasan, sudah tentu barang kemas atau emas bar mengikut gram emas. Mustahil dapat beli gelang atau subang dengan harga Rm10.

Tetapi, dengan teknologi Fintech sekarang anda mampu membeli emas bernilai Rm10 iaitu sebahagian dari satu jongkong emas dengan pemilikan bersama. Ini bermaksud, anda membeli dari peniaga emas sebahagian emas dari satu jongkong emas dengan nilai Rm10 dan emas tersebut disimpan oleh peniaga dan anda berkongsi pemilikan dengan pembeli-pembeli yang emas yang lain. Apabila sudah cukup gram fizikal 1g atau 0.001g (tertakluk kepada produk fizikal emas peniaga emas tersebut) anda sudah boleh menebus emas fizikal anda. Ia menjadi konsep tabungan baru dalam dengan berkembangnya teknologi digital sekarang.

Konsep yang sama sahaja dengan matawang atau duit yang ada di bank. Anda membuka Akaun Simpanan dengan Bank Islam dan anda diberi access untuk menguruskan wang anda secara online menerusi aplikasi ataupun browser. Nilai duit yang dipapar pada skrin hp anda andalah cuma digit yang mewakili jumlah sebenar duit yang ada, dan duit ini disimpan bagi pihak anda di bank. Anda hanya boleh memegang duit anda apabila anda menegluarkannya secara fizikal di bank atau ATM. Quantum Metal juga menyediakan kepada ahli Akaun Simpanan Emas yang berfungsi seperti ini dan boleh dibeli serendah RM10.



# 10. Tempat Simpan Emas Terbaik?



Emas dalam kuantiti sedikit boleh disimpan sendiri di rumah, samada dalam safe deposit atau mana – mana tempat yang dirasakan selamat dan bukan tumpuan pencuri seperti laci almari. Belum ada syarikat insurans yang menawarkan insurans kepada harta emas di rumah.

Akaun simpanan emas di bank dan syarikat-syarikat emas menawarkan insurans kepada emas yang disimpan oleh mereka. Kalau anda memiliki emas yang banyak lebih selamat jika disimpan di Safe Deposit Box di bank, ataupun syarikat swasta. Sewaan sekitar RM100 – RM600 setahun bergantung kepada saiz kotak simpanan.

Jika anda memiliki Akaun Simpanan Emas dengan Quantum Metal Sdn Bhd, emas fizikal disimpan di bilik kebal BRINKS, Singapore tanpa dikenakan sebarang cas. BRINKS adalah syarikat yang berpengalaman lebih 163 tahun dalam Keselamatan & Perlindungan & memiliki 650 cawangan seluruh dunia. BRINKS adalah syarikat peneraju utama global dari Amerika yang menawarkan solusi dalam pengurusan tunai, logistik selamat berasaskan laluan, penyelesaian pembayaran termasuk tunai dalam transit, perkhidmatan ATM, pengurusan tunai (termasuk penyediaan bilik kebal, pemprosesan wang dan perkhidmatan selamat pintar) dan pengangkutan antarabangsa barang berharga.

-  Simpan di rumah
-  Safe Deposit Box
-  Bilik Kebal oleh BRINKS



# 11. Jenama emas yang dipercayai di Malaysia?

Di Malaysia, banyak jenama yang dipercayai. Sebagai pengguna, anda perlu bijak memilih syarikat jual-beli emas yang menyediakan emas yang memenuhi standard. Ini juga antara tips untuk memilih syarikat yang menjual emas khususnya untuk tujuan pelaburan:

#1



Bandingkan harga jual per gram dengan beberapa kedai emas

#2



Bandingkan *Spread* emas, jika rendah anda cepat mencapai untung dengan kenaikan emas.

#3



Kenalpasti ketulenan emas – biasanya untuk tujuan pelaburan, emas bar adalah terbaik dan kebiasaannya jenis 999

#4



Senang dicairkan – syarikat emas tersebut menawarkan pembelian semula emas kita

**#5**



Proses jual beli dan jualan balik emas adalah mudah. Jika dilakukan secara online, mungkin 24jam 7 hari seminggu lagi 'convenient'

**#6**



Stok tiada had, bila-bila masa boleh beli.

**#7**



Kedai emas tersebut boleh didapati di mana-mana. Mungkin cawangan banyak atau secara online 24 jam sehari.

**#8**



Akaun Simpanan Emas mudah ditukar kepada emas fizikal dengan kos paling rendah

## Jenama Perth Mint

Emas Perth Mint adalah unik kerana beberapa sebab. Ia adalah satu-satunya tempat di dunia di mana anda boleh membeli emas yang mempunyai jaminan berat dan ketulenan kerajaan yang jelas. Emas Perth Mint boleh diiktiraf & dijual di mana-mana sahaja seluruh dunia. Ia dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Australia Barat.



Quantum Metal Sdn Bhd adalah antara pemenang anugerah dari The Asia Pacific Enterprise Awards (APEA) untuk Perkhidmatan Kewangan pada 27 Mei 2022



## 5 Jenama Utama Dunia



Di peringkat antarabangsa, berikut ialah senarai 5 jongkong emas teratas kami (tanpa susunan tertentu) berdasarkan ketulenan, kecairan, kehalusan dan pengiktirafan di seluruh dunia.

1. PAMP Suisse, Switzerland
2. Credit Suisse, Switzerland
3. Royal Canadian Mint (RCM), Kanada
4. Valcambi Suisse
5. Perth Mint, Australia

## 12. BELI EMAS GUNA DUIT PINJAMAN?

Membeli aset emas menggunakan pinjaman bank bukan keputusan yang bijak kerana anda dikenakan caj pinjaman yang sangat tinggi boleh jadi hampir sama atau lebih dari potensi keuntungan emas.



## 13. ADA EMAS TAPI NAK GUNA DUIT

Di Quantum Metal ada kemudahan bagi akaun asas iaitu Gold Convert Account (GCA). GCA berfungsi menukarkan emas yang ada pada akaun asas Gold Storage Account (GSA) kepada 85% tunai secara express tanpa mengurangi jumlah gram yang dimiliki. Kita masih ada pegangan ke atas jumlah gram yang kita tukarkan tetapi perlu membayar semula nilai 85% dengan tunai ataupun dengan nilai kenaikan harga emas semasa. Kadar yuran pengurusan juga sangat rendah iaitu cuma 3.5% setahun berbanding fi di luar sekitar lebih 12% setahun.



# 14. AKAUN SIMPANAN EMAS ATAU EMAS FIZIKAL?

Sebahagian bank di Malaysia sekarang telah memperkenalkan akaun simpanan emas. Ada juga syarikat perniagaan emas atau koperasi menawarkan akaun simpanan emas sebagai satu tambah nilai perkhidmatan dan anda tidak perlu bersusah payah untuk mencari tempat yang selamat bagi menyimpan emas. Anda juga tidak perlu simpan emas fizikal di rumah. Mana yang lebih elok?


Simpan emas sendiri juga adalah lebih baik anda boleh menggunakan emas tersebut bila-bila masa tetapi anda perlu menguruskannya dengan baik dari segi tempat penyimpanan, rekod gram (bertujuan untuk bayaran zakat), juga mengambil kira faktor luaran seperti masalah banjir ataupun kebakaran.

Jika anda menitikberatkan faktor kemudahan emas pada bila-bila masa bagi emas fizikal, kini Akaun Simpanan Emas dari Quantum Metal Sdn Bhd (bukan bank) mampu berfungsi sebagai kedai emas atas talian 24 jam, 7 hari seminggu. Anda membeli dari QM dan emas anda juga boleh dijual dan ditukar kepada nilai tunai dengan QM pada setiap hari tanpa tempoh waktu. Tak perlu lagi menunggu dan beratur di kedai emas atau pajak gada di luar lagi. Semua boleh dibuat diujung jari sebagaimana anda menggunakan perbankan atas talian. Akaun Simpanan Emas dari Quantum Metal boleh dibeli serendah Rm10 dan boleh dikeluarkan emas fizikal apabila cukup nilai.




## **Akaun Simpanan Emas yang Tidak Patuh Syariah adalah**

Maybank Gold Passbook, UOB, Public Bank



## **Akaun Simpanan Emas yang diiktiraf Patuh Syariah (Bank) adalah:**

Kuwait Finance House (KFH), Maybank Islamic, Affin Islamic dan Bank Muamalat



## **Akaun Simpanan Emas yang diiktiraf Patuh Syariah (Bukan Bank) adalah:**


Quantum Metal Sdn Bhd, GAP Public Gold, Uncang Emas KAB Gold, Hello Gold

# 15. CARA BUAT UNTUNG SEHINGGA 10X GANDA DENGAN EMAS?

GAE adalah produk terbaik QM yang patuh syariah. Pegangan emas dengan 1 X modal boleh diganda sehingga 10 X ganda dengan pembiayaan Tawarruq dari Quantum Metal (QM). Harga emas naik 1% terima keuntungan 10%. Ianya tiada tempoh matang atau komitmen bulanan dengan fi pengurusan cuma 3.5% setahun. Ada teknik yang digunapakai bagi memaksimumkan keuntungan dengan GAE, tips pertama; beli emas pada harga yang rendah. Jadi anda dapat pegangan gram emas yang lebih berbanding beli pada harga tinggi.

Kedua, ambil dulu keuntungan dengan kenaikan harga semasa emas. Spread atau keuntungan syarikat serendah 3% segram, jadi apabila harga semasa telah naik 4% anda dah mula buat keuntungan sebanyak 1% yang digandakan dengan 10 iaitu 10% keuntungan! Jangan risau jika harga semasa turun dari harga sewaktu anda beli kerana modal tidak hangus, tunggu sahaja harga emas naik melepasi paras modal. Ketahui lebih lanjut mengenai produk ini di muka surat akhir.

Jom fahami ilustrasi di bawah tentang konsep produk GAE.



# 16. ZAKAT EMAS

Syarat Wajib Zakat Emas & Perak:

- 1 | Islam
- 2 | Merdeka
- 3 | Sempurna Milik
- 4 | Cukup Haul
- 5 | Cukup Nisab

“  
*Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (laitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu.*

At-Taubah  
(9): 34-35

1 Zakat Emas Perhiasan

1 Zakat Emas Pelaburan

### Zakat Emas Perhiasan

Emas perhiasan atau barang kemas tidak diwajibkan zakat sekiranya pemakaian mengikut uruf iaitu tidak melebihi kadar biasa pakai. Mengikut syarak, apa sahaja yang berlebihan dari kebiasaan adalah tidak digalakkan atau dilarang.

Bagi kaum lelaki yang memiliki emas perhiasan sekalipun tidak digunakan oleh isteri atau anak perempuan mereka juga perlu mengeluarkan zakat. Perlu diingatkan Haram bagi lelaki memakai emas pada badan.

Umat islam di Malaysia telah diberi panduan dalam menentukan nilai uruf dan nilai uruf ini berbeza mengikut negeri.

Nilai uruf emas perhiasan di Malaysia adalah berlainan mengikut negeri. Jika di negeri Selangor dan di Wilayah Persekutuan nilai uruf ialah 800 gram. Jika anda berada di negeri yang lain, anda boleh Google zakat emas hiasan bagi negeri masing-masing kerana nilai uruf berlainan mengikut negeri.

Nilai uruf 800 gram bermaksud, anda hanya membayar zakat emas hiasan sekiranya berat keseluruhan barangan kemas melebihi berat 800 gram. Tidak ada zakat perlu dikeluarkan sekiranya berat emas perhiasan anda berada di bawah 800 gram itu. Seterusnya, zakat hanya perlu dibayar sekiranya anda memiliki emas itu untuk tempoh satu tahun hijrah.

Formulanya adalah seperti berikut:

$$= \text{Berat emas dipakai (jika melebihi nilai uruf)} \times \text{Harga Emas Semasa} \times 2.5\% \\ \text{Kadar Zakat}$$

Sebagai contoh, sekiranya berat barangan kemas anda ialah 900 gram dan harga semasa ialah RM230 setiap gram, anda kemudian memasukkan angka-angka ini ke dalam formula:

$$900 \text{ gram} \times \text{RM}230 = \text{RM}45,000 \times 2.5\% = \text{RM}5,175.$$

Maka zakat emas hiasan anda ialah RM5,175.

Negeri	Nilai Uruf
Wilayah Persekutuan	800g
Selangor	800g
Johor	850g
Terengganu	850g
Perak	500g
Pahang	500g
Negeri Sembilan	200g
Melaka	180g
Kedah	170g
Kelantan	Tiada uruf
Pulau Pinang	165g
Perlis	85g
Sarawak	90g
Sabah	152g

### Cara kira Zakat Bagi Emas Perhiasan

Termasuk emas tulen yang digunakan sebagai perhiasan, perkakasan atau perabot yang digunakan berterusan atau sekali sekala.

Wajib zakat sebanyak 2.5% jika jumlah emas tulen melebihi 'Uruf (adat kebiasaan). Jika bercampur dengan unsur lain seperti batu permata, hanya berat emas tulen sahaja yang dikira.

**(Berat Emas - Uruf) x Harga Semasa x 2.5%**

### Cara kira Zakat Bagi Emas Pelaburan

Zakat emas jongkong mahupun, syiling, barang kemas bukan untuk perhiasan yang dimiliki untuk diperniagakan samada dalam bentuk pelaburan dan seumpamanya adalah dianggap tertakluk kepada zakat. Dalam hal ini emas jongkong dan syiling yang diperniagakan atau dimasukkan dalam pelan pelaburan adalah dianggap sebagai 'urudh al-tijarah (harta atau barang yang diniagakan)

Jika nisabnya tidak mencukupi, maka ia perlu disertakan atau disekalikan dengan harta perniagaan yang lain ataupun dengan simpanan lain yang dimiliki pemilik emas tersebut. Sekiranya cukup nisab, maka layak emas tersebut dizakatkan sebanyak 2.5% dari nilainya setelah ditukar kepada nilai dalam matawang negara.

Kesimpulannya jika tidak cukup nisab, maka emas tersebut perlu dimasukkan bersama kiraan harta lain seperti simpanan? yang sedia ada bagi menentukan nilai zakat yang dikenakan. Sekiranya cukup nisab, kesemua harta tersebut boleh dizakatkan sekali walaupun kiraan dibuat berasingan. [Lihat Al-Mughni, Ibn Qudamah 3/36]

Rujukan:

<https://www.zakat.com.my/soalan-lazim/zakat-emas/>

Wajib zakat sebanyak 2.5% jika jumlah emas tulen melebihi 'Uruf (adat kebiasaan).

**Berat Emas x Harga Semasa x 2.5%**

### Cara kira Zakat Bagi Emas bercagar

Emas digadai adalah milikan sempurna & wajib dizakatkan sebanyak 2.5% setelah ditolak nilai pinjaman dan upah simpan.

**[(Berat emas semasa x Harga semasa) - Nilai Pinjaman - Upah Simpan] x 2.5%**

“ *hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A. yang bermaksud*

***Siapa sahaja yang menjadi tuan punya emas dan perak dan tidak menunaikan zakatnya, pada hari kiamat nanti akan disediakan kepadanya hamparan api yang dipanaskan oleh neraka. Dengan api itulah akan diselarkan rusuk dan belakangnya.***

————— (Sahih Muslim) —————

# 17. Dapat Gaji, Dapat Emas, Dapat Berbelanja?

## Akaun Tukaran Emas (GCA)

GCA adalah kemudahan kepada ahli Quantum Metal (QM) untuk memiliki emas dan pada masa yang sama menggunakan wang tunai untuk berbelanja.

## Bagaimana?

Anda akan mendapat keuntungan perbelanjaan hangus ini pada masa hadapan mengikut harga emas yang meningkat. Perbelanjaan seperti pinjaman perumahan rumah, kereta & belanja dapur - kebiasaannya anda BELANJA dan HABIS. Tetapi, anda boleh tukarkan gaji anda dalam bentuk gram emas (dengan pembelian di GSA) kepada TUNAI sehingga 85% tanpa mengurangkan gram emas yang anda miliki.

Siapa patut guna kemudahan GCA?

- 1) Individu (semua golongan)
- 2) Perniagaan & Syarikat

Anda boleh memilih untuk:

- 1) Tidak perlu menggunakan wang sendiri untuk menebus (Keuntungan emas akan membayar semula nilai pendahuluan 85% yang telah diambil)
- 2) Bayar semula nilai pajakan secara ansuran/ penuh (menebus emas)

QM menawarkan SOLUSI PEMULIHAN EKONOMI bagi semua golongan untuk mengekalkan aset, mencipta aset, mempelbagaikan aset & mengandakan aset.

Anda gunakan 85% ini untuk berbelanja, manakala 15% lagi 'dipegang' oleh QM sebagai cagaran. Jumlah penuh gram yang anda miliki sekarang (di dalam Inventory account) akan bertambah nilai pada masa hadapan (anggaran waktu 3 tahun ke atas).



# 18. Mudahnya Beli Emas Dalam Talian

## 24/7

Tak perlu lagi menunggu kedai emas buka untuk mula beroperasi jam 10 pagi. Tak perlu lagi beratur di kedai emas. Tak perlu lagi menunggu peniaga emas membalas mesej anda untuk mula membeli. Semua anda boleh lakukan sendiri di web browser rasmi dan aplikasi rasmi Quantum Metal.

Emas Digital berbeza dengan matawang fiat. Emas digital dari Quantum Metal disandarkan sepenuhnya kepada jongkong emas yang disimpan di BRINKS. Anda boleh mengeluarkan emas fizikal bila-bila masa.



### Sistem Transaksi Harian 24/7

- ✓ Pengeluaran ke dalam Akaun Bank Peribadi anda atau Akaun Simpanan Emas
- ✓ Tiada Had Pengeluaran



### 100% DISOKONG OLEH 99.99% EMAS FIZIKAL

- ✓ Berurusan dengan sebarang saiz (serendah RM10 untuk pembelian)
- ✓ Emas fizikal tulen yang diperakui oleh LBMA



### KADAR RENDAH DIJAMIN

- ✓ Kadar terbaik dalam pasaran
- ✓ Harga Emas dikemaskini setiap hari



### BAYARAN FLEXI

- ✓ Kadar Upah yang Rendah (Yuran Pengurusan)
- ✓ Sehingga 80% daripada Nilai Emas anda



### PENGELUARAN EMAS FIZIKAL

- ✓ Proses pengeluaran yang cepat & mudah
- ✓ Disokong oleh International Bullion House



### URUS NIAGA DALAM MATAWANG ANDA

- ✓ Mata Wang Asing Diterima
- ✓ Pindahan Antarabangsa



### MEMBEKAL EMAS KEPADA BANK-BANK TEMPATAN

- ✓ Patuhi Sharia'h



### SISTEM MESRA PENGGUNA

- ✓ Disokong oleh Telefon Pintar
- ✓ Dagangan Atas Talian Terjamin



### BRINKS IALAH VAULT EMAS RASMI

- ✓ Emas disimpan di Brinks Singapore
- ✓ 100% Dijamin dan diinsuranskan oleh Lloyd's of London

# 19. PRODUK UTAMA



Pelbagai portfolio aset seperti Tabung Haji (TH), Amanah Saham Bumiputera (ASB), mana-mana simpanan dan tunai dapat dikembangkan melalui kesemua produk QM di atas.

Bagaimana? Saya tidak akan menerangkan lanjut mengenai cara mengembangkan portfolio kewangan ini kerana ia agak rumit sebagai bahan bacaan. Saya dan team akan memberi kefahaman menyeluruh setelah anda mendaftar di link (pada muka surat JOM MULA SEKARANG) dan menjadi ahli QM.

## 20.Kelebihan tambahan sebagai ahli?

Di Quantum Metal, setiap ahli boleh menjadi ahli biasa, pelabur atau sebagai peniaga Emas Quantum Metal. Sebagai ahli QM, anda boleh berkongsi kebaikan dan manfaat ketiga-tiga produk QM kepada adik-beradik, rakan-rakan & saudara mara. Produk QM terbukti mampu mengubah landskap kewangan mereka dengan konsep-konsep yang boleh diaplikasi dalam pengurusan kewangan masing-masing.

Konsep yang saya maksudkan seperti di bawah adalah bagi produk Gold Convert Akaun (GCA)

1. Tukar belanja hangus menjadi aset emas
  2. Bijak menyimpan & bijak berbelanja
  3. Pelan persaraan 5 tahun
  4. Regangkan duit kecil anda
  5. Selamatkan gaji anda
- 

Bagi produk Gold Asset Enhance (GAE), anda boleh menggandakan pegangan modal emas menjadi 5 atau 10 kali ganda dari modal asal melalui pembiayaan Tawarruq dari QM, dan keuntungan diperoleh dari kenaikan harga emas semasa berdasarkan pegangan modal 5 atau 10 kali ganda! Ini adalah satu-satunya konsep yang belum ada ditawarkan oleh mana-mana syarikat perniagaan emas. Jika anda adalah pelabur aktif, GAE adalah produk terbaik kerana modal anda tidak akan hangus, tiada jualan paksa. Anda hanya perlu sabar menunggu harga emas naik lebih dari modal anda.


Manakala akaun asas Gold Storage Account (GSA), adalah akaun asas yang berfungsi sebagai sandaran duit anda kepada emas. Anda boleh membeli emas melalui akaun ini, menyimpan, menjual Kembali emas kepada QM, membuat pindahan emas dalam nilai Ringgit Malaysia kepada ahli lain dan menebus emas fizikal mengikut gram emas yang anda miliki.

## Cara membeli produk emas dari QM:

1) **Dapatkan link pendaftaran dari Introducer** sebelum bermula kerana

- anda tidak boleh mendaftar tanpa link Introducer
- Introducer boleh berkongsi kelebihan dan pemahaman mengenai produk-produk QM, cara membeli dan menjual, cara melakukan tukaran 85% kepada tunai, cara menebus emas fizikal, cara dan potensi keuntungan produk GCA & GAE dan sistem dan lain-lain.


2) Itu cara pembelian emas **PALING MUDAH & SELAMAT**



Masa terbaik simpan emas  
adalah 10 tahun dahulu.  
Masa kedua terbaik adalah  
sekarang!

## KELEBIHAN GOLD STORAGE ACCOUNT (GSA) DARI QUANTUM METAL

DAFTAR PERCUMA



## 21. CARA DAN KELEBIHAN MENJADI RAKAN NIAGA

Jika anda selesa untuk membeli & menjual emas untuk kegunaan sendiri, memadai anda sebagai ahli biasa. Masih boleh membeli semua produk QM. Manakala kepada sesiapa yang ingin menambah pendapatan ataupun menjadi pelaburan di QM sebagai karier, anda melayakkan diri sebagai Konsultan & layak mendapat komisyen atau dipanggil juga goldback / rebate. Komisyen bermula 2% sehingga 20%.



# PERSOALAN ASAS SEBELUM BELI EMAS

---

## 1. Adakah produk Quantum Metal Sdn Bhd ('QM') mematuhi Syariah?

Ya, produk Quantum Metal diaudit oleh ISRA International Consulting Sdn. Bhd. untuk lafaz Syariah di mana ia adalah pematuhan kepada Dokumen Polisi Syariah.

## 2. Bolehkah saya membeli emas fizikal dari QM dengan menggunakan Kad Kredit / Kad Debit?

Harap maklum bahawa penggunaan Kad Kredit / Kad Debit hanya akan tersedia dalam masa terdekat. QM akan membuat pengumuman rasmi apabila sistem kad bank sokongan telah sedia. Pada masa ini, kami hanya menerima 'PayDirect - FPX', 'Direct Bank In' melalui perbankan dalam talian, 'Akaun Pembayaran' dalam Sistem Quantum Metal ('QMS') dan Pemindahan Telegraf ('TT') melalui bank berdaftar di peringkat tempatan dan antarabangsa.

## 3. Jika saya memilih untuk tidak mengeluarkan emas fizikal saya selepas membelinya daripada QM, bagaimanakah QM boleh memastikan keselamatan emas fizikal saya?

QM akan terus mengkreditkan tatabahasa emas yang setara ke dalam akaun emas pelanggan setelah menerima pengesahan pembayaran pelanggan. Emas fizikal akan disimpan dalam Perkhidmatan Global Brinks ('BRINKS') yang dikenali sebagai bilik kebal Pihak Ketiga. BRINKS ialah sebuah syarikat terkemuka di seluruh dunia. Selain itu, emas fizikal Pelanggan juga 100% diinsuranskan oleh LLOYD's London.

## 4. Apa faktor yang patut diambil kira sebelum membeli emas?

Syarikat pengeluar yang dipercayai, jaminan belian balik oleh syarikat, spread belian balik yang rendah, status Syarikat Refinery LBMA (Good Delivery) dan Non-LBMA, assay process dan certification, penerimaan pajakan yang mudah, meluas dengan harga yang tinggi, emas di Malaysia tidak dikenakan cukai, rekabentuk untuk tujuan koleksi bukan simpanan biasanya harga lebih tinggi dan tidak sesuai untuk pelabur pasif.

# 10 SOALAN BONUS

---

1. Bagaimanakah cara saya mendaftar akaun QM GOLD?

Untuk mendaftar akaun emas dengan QM, pelanggan boleh mendaftar melalui kami sebagai Perunding Berdaftar di link <https://bit.ly/yanrosy> @ <https://NotaQmGold.com> / WhatsApp kami di 012-351 0337 untuk bantuan pendaftaran.

2. Adakah saya perlu membayar untuk pendaftaran Akaun QM Gold Storage?

Pendaftaran Akaun Simpanan Emas QM adalah Percuma (FOC).

3. Siapakah yang layak mendaftar untuk memiliki Akaun Simpanan Emas dengan QM?

Berikut adalah kriteria untuk pendaftaran Akaun Simpanan Emas dengan QM:

- i) Berumur 18 tahun & atas;
- ii) MyCard holder for Malaysian citizen with a registered Malaysian saving bank account or a valid Passport for a Non-Citizen with a recognized Local / Foreign Bank Account.

4. Bolehkah syarikat mendaftarkan Akaun Simpanan Emas dengan QM?

Ya. Mana-mana syarikat yang berdaftar dengan SSM dibenarkan membuka Akaun Simpanan Emas dengan QM tertakluk kepada terma dan syarat. Hubungi 012-351 0337 untuk bantuan pendaftaran bagi syarikat

---

5. Berapakah minimum dan maksimum had pembelian emas fizikal?

Pelanggan boleh membeli emas serendah RM10.00 ke dalam Akaun Simpanan Emas (GSA) dan tiada had pembelian maksimum.

6. Apakah maksud 'Harga Spot'?

Harga Spot dirujuk sebagai nilai tetap antarabangsa bagi satu (1) auns troy harga emas berdasarkan penawaran dan permintaannya. Sila ambil perhatian bahawa QM tidak mengikut harga spot di mana ia berubah setiap minit.

7. Adakah produk Quantum Metal Sdn Bhd diaudit?

Ya, semua produk Quantum Metal S/B diaudit sepenuhnya, dikawal selia, diperakui dan diiktiraf oleh Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa (ISRA) yang dilantik oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Ketahui lebih lanjut tentang [ISRA](#)

8. Apakah ketulenan emas fizikal yang dijual oleh QM?

- Kehalusan emas fizikal QM yang dijual adalah 999.9% ketulenan seperti yang dihasilkan oleh penapis yang disenaraikan dalam penyenggaraan London Bullion Market Association (LBMA).

---

9. Adakah QM berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ('SC') dan Bank Negara Malaysia ('BNM')?

Sifat perniagaan Quantum Metal sebagai Syarikat Dagangan Emas tidak memerlukan QM mendaftar di bawah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ('SC') dan Bank Negara Malaysia ('BNM') yang serupa dengan Goldsmith Traders. Walau bagaimanapun, keseluruhan struktur produk Beli/Jual Emas bagi Logam Kuantum disemak dan diaudit sepenuhnya oleh Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa ('ISRA'); sebuah agensi yang dilantik di bawah Bank Negara Malaysia ('BNM').

10. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh QM untuk pematuhan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 ('AMLA')?

Berikut adalah langkah-langkah yang diambil oleh QM selaras dengan keperluan AMLA:

- i) Pegawai pematuhan AMLA telah dicalonkan oleh QM untuk memastikan semua aktiviti dan kemudahan yang ditawarkan oleh QM adalah mengikut dan memenuhi pematuhan AMLA;
- ii) QM menjalankan usaha wajar ke atas semua transaksi pelanggan dari semasa ke semasa di mana ia hendaklah memenuhi terma dan peraturan AMLA;
- iii) QM menghantar Laporan Pematuhan Data ('DCR') yang komprehensif setiap tahun di mana ia selaras dengan arahan dan kriteria Bank Negara Malaysia ('BNM').  
Ini adalah salah satu cara untuk QM melakukan risiko penilaian sendiri dan kelemahan untuk membendung aktiviti pengubahan wang haram serta akta pembiayaan keganasan. Selain mewujudkan nilai dan keyakinan pelanggan, ini merupakan ukuran dan amalan penting bagi QM untuk mengenal pasti kawasan kelabu dan merapatkan jurang bagi mematuhi keperluan Pencegahan Pengubahan Wang Haram / Counter Financing of Terrorism ('AML / CFT').



# QUANTUM METAL

Quantum Metal Sdn Bhd (QM) adalah syarikat menjual & membeli EMAS melalui platform digital di mana QM membantu individu & perniagaan mengekalkan cash daripada susutnilai & menggandakan aset yg ada dgn konsep SIMPANAN EMAS, GADAIAN & SIMPANAN BERGANDA.

Quantum Metal Sdn. Bhd. (1011907U) didaftarkan pada 30 Julai 2012 dengan modal berbayar RM10,000,000.00. Ia adalah salah satu pengedar jongkong emas terbesar di Malaysia. Perniagaan teras Quantum Metal menyediakan 99.99% produk emas premium kepada pasaran Malaysia termasuk, badan kerajaan, bank, institusi kewangan, peniaga dan peniaga individu.

Quantum Metal memulakan hubungan antara bank tempatan sejak 2016 dan Pembekal Bullion Antarabangsa, termasuk, PERTH MINT. Model perniagaan Quantum Metal mengurangkan risiko bank tempatan dengan bank tempatan mempunyai transaksi langsung dan transaksi sah melalui Quantum Metal. Sebagai pelanggan Quantum Metal, bank tempatan bebas daripada perbelanjaan modal untuk projek tersebut kerana 100% sistem dan infrastruktur akan dilaburkan oleh Quantum Metal Sdn. Bhd.

Kesemua tiga produk QM telah mendapat Sijil akreditasi PATUH SHARIAH dari anak syarikat BNM iaitu ISRA' sehingga 2026.

GCA & GAE - Antara panel shariah luar negara adala, Tawafuq Consultancy

GSA, GCA & GAE - Juga diiktiraf oleh Panel Shariah Luar Negara iaitu : Tawafuq Consultancy, Raqaba, & AFSI, AAOIFI

Antara syarat sesebuah agensi mendapat patuh shariah adalah perniagaan emas itu boleh mengeluarkan & Emas Fizikal.

Konsep retail bermula pada 2019 dan mula berkembang secara signifikan sejak 2020 dan QM menjual beli emas secara atas talian dan telah mengubah landskap perniagaan emas kini.

# JOM MULA SEKARANG!

1) Untuk bermula, bakal ahli perlu mendaftar dari link ini & isi maklumat:

<https://linktr.ee/notaqmgold>




## CARA DAFTAR



2) Proses pengesahan akaun:

## KEMASKINI PROFIL KYC APPROVAL



3) Untuk bantuan, hubungi 012-351 0337

## SUMBER RUJUKAN

Laman Rasmi Quantum Metal Sdn Bhd. <https://quantummetal.com.my>

Laman Rasmi Quantum Metal Learning Academy.  
<https://qmcorporateuniversity.com/qmcu/>

Laman Rasmi Quantum Bullion Exchange Board. <https://qbeb.org/>

Passive Investing vs Active Investing. <https://www.forbes.com/advisor/investing/passive-investing-vs-active-investing/>

Laman Rasmi Gold Price. <https://goldprice.org/>

WEBINAR MUAMALAT: PELABURAN EMAS, UNTUNG ATAU RUGI?. Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPAS). Friday, October 14 · 9:30am – 12:00pm. Google Meet.

Lembaga Zakat Selangor. <https://www.zakatselangor.com.my/>

Pusat Pungutan Zakat MAIWP (Wilayah Persekutuan, Labuan, Putrajaya).  
<https://www.zakat.com.my/info-zakat/jenis-jenis-zakat/zakat-emas/>

Lembaga Zakat Kedah. <https://www.zakatkedah.com.my/>

Zakat Pulau Pinang. <https://v2.zakatpenang.com/>  
Majlis Agama Islam Perlis. [https://www.maips.gov.my/index.php?option=com\\_sppagebuilder&view=page&id=911&lang=ms](https://www.maips.gov.my/index.php?option=com_sppagebuilder&view=page&id=911&lang=ms)

Zakat MAIK (Majlis Agama Islam Kelantan). <https://www.e-maik.my/v2/index.php>

Zakat MAIT (Majlis Agama Islam Terengganu). <http://www.maidam.gov.my/index.php/ms/>

Pusat Zakat Melaka. <https://www.izakat.com/ui.php>

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. <https://www.zakatns2u.biz/utama.php>

Zakat MAIJ (Majlis Agama Islam Johor). <http://www.maij.gov.my/>

Zakat MAIPk (Perak). <https://www.maiamp.gov.my/>

Zakat Pahang. <https://www.zakatpahang.my/>

Baitulmal Sarawak. <https://www.tbs.org.my/www/>

Majlis Ugama Islam Sabah. <https://appszakat.sabah.gov.my/internetB.php>